

Kejohanan Sepak Takraw UMS Papar A tumpaskan Brunei 88 B difinal

KOTA KINABALU: Kejohanan Sepak Takraw Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2013 telah berlangsung dengan jayanya dibawah kendalian Kelab Sepak Takraw UMS yang berlangsung selama tiga hari baru-baru ini.

Pengarah Kejohanan, Shariff Md Idris Md Sani memaklumkan kejohanan itu merupakan projek berterusan Kelab Sepak Takraw UMS di bawah bimbingan Pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEP), Ahirunnisham Ahmad khususnya dalam usaha mempopularkan sukan sepak takraw di Sabah.

Katanya sebanyak 30 regu sepak takraw termasuk dua regu dari negara Brunei Darussalam telah mengambil bahagian pada kejohanan yang berlangsung di Dewan Kuliah Perdana A1, UMS.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Presiden Persatuan Sepak Takraw Sabah (ASTAKA), Datuk Hj Awang Sham Hj Amit. Hadir sama Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraf Fong Abdullah dan Ahli-ahli Majlis Tertinggi ASTAKA.

Dalam ucapan perasmian, Awang Sham memuji inisiatif UMS dalam menganjurkan suatu kejohanan sepak takraw yang telah berjaya menarik minat pasukan-pasukan handalan tempatan dan Negara Brunei.

Beliau berkeyakinan bahawa dengan penglibatan UMS dalam mempopularkan sukan ini, maka tidak mustahil sukan sepak takraw akan tambah diminati di negeri ini sekaligus membolehkan Sabah melahirkan atlet sepak takraw terbilang di masa hadapan.

"Apatah lagi UMS, selaku IPTA ulung di negeri ini, mampu menjadi pemangkin uta-

ma kepada lain-lain IPTA dan IPTS dalam menyemarakkan sukan tradisi ini bukan sahaja dalam kalangan pelajar bahkan semua peringkat umur dinegeri ini," katanya lagi.

Pada kejohanan itu, regu Papar A muncul juara apabila berjaya menewaskan regu Brunei 88 B dalam satu perlawanan sengit yang berlanjutan hingga ke set yang ketiga.

Brunei 88 B yang turut diwakili oleh bekas pemain Sukan Sea Brunei tewas dengan kiraan mata 15-12, 9-15 dan 9-15 sekaligus terpaksa berpuashati untuk berada di tempat kedua.

Manakala pasukan Kota Belud A dan Sahabat Masjid Nabawan masing-masing diisytiharkan sebagai pemenang tempat ketiga.

Regu tuan rumah, UMS A, terkandas di peringkat kumpulan disebabkan oleh perbezaan mata yang tipis walau pun merekodkan dua kemenangan dan satu kekalahan sahaja.

UMS turut menghantar tiga regu lain yang terdiri dari kalangan pelajar-pelajar UMS yang bakal menyarung jersi universiti dalam pertandingan antara IPTA kelak.

Walau pun tewas, kejohanan tersebut nyata memberikan pengalaman dan pendedahan yang berguna atas kualiti tinggi yang dipamerkan oleh regu-regu yang turut serta.

Johan, naib johan dan pemenang tempat ketiga masing-masing membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000, RM600 dan RM300 berserta piala kejohanan.

Pemain terbaik telah disandang Tekong pasukan Papar A, Rozmie Mat Yassin yang mempamerkan aksi cemerlang sepanjang kejohanan sekaligus menerima wang tunai RM100 berserta piala.




BERSAMA PEMENANG ... Para pemenang bersama Yang Di-Petua ASTAKA Sabah, Sahran Untai (lima kanan).



PEMAIN TERBAIK ... Pemain terbaik kejohanan, Rozmie Mat Yassin menerima hadiah wang RM100 berserta piala.



AKSI Aksi perlawanan akhir Papar A (kanan) menentang Brunei 88 B (kiri).



SERVIS KENCANG ... Servis Kencang tekong Papar A.